

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

JMS 511 - SEJARAH INTELEKTUAL ISLAM

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas soalan peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang beretak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab **EMPAT** soalan.

- for ab
1. Antara cabaran-cabaran besar yang melanda umat Islam pada zaman moden ini ialah kegiatan kolonialisme kuasa Barat. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu bincangkan kesan-kesannya ke atas umat Islam.

(100 markah)

2. Pembaratan budaya di India bukan sahaja diusahakan oleh orang-orang Barat tetapi juga oleh tokoh-tokoh Islam tempatan. Nilaikan pernyataan ini dengan merujuk pada tokoh-tokoh tertentu.

(100 markah)

3. Banding dan bezakan antara gerakan al-Mahdi di Sudan dengan gerakan As-Sanusi di Libya dari sudut kejayaan dan kegagalan mereka.

(100 markah)

4. Snouck Hurgronje adalah tokoh yang memainkan peranan besar dalam usaha kerajaan Belanda menindas gerakan Islam di Indonesia. Huraikan strategi-strategi beliau dalam usahanya itu.

(100 markah)

5. Bincangkan secara kritis gerakan reformisma Islam di Arab Saudi yang diasaskan oleh Mohammad bin Abdul Wahab.

(100 markah)

6. Pembaharuan-pembaharuan oleh Mustafa Kemal Pasha di Turki mendapat tentangan hebat daripada Ustaz Badi-u-zzaman Syed Nursi. Huraikan usaha-usaha beliau dalam menghadapi pembaharuan-pembaharuan berkenaan.

(100 markah)

7. Kemunduran umat Islam masa kini tidaklah dapat disalahkan kepada pihak musuh sahaja, tetapi lebih banyak kerana faktor kelemahan umat Islam sendiri. Bincangkan bersama contoh-contoh yang sesuai.

(100 markah)

ooOoo

